

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

ATP 201 PERAKAUNAN KEWANGAN II

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 9.00 pagi. - 12.00 t/hari.  
(3 jam)

---

Jawab soalan 1 dan pilih 4 daripada soalan lain.

Soalan 1

- (a) Sebagai seorang Juru Odit, anda dikehendaki memeriksa kembali dan mengkelaskan item-item di bawah yang dianggap item luar biasa dalam operasi syarikat tahun 1987. Sila beri alasan dan tunjukkan bagaimana item-item ini perlu dibentangkan ke dalam penyata kewangan.
- (i) Syarikat Kereta Terpakai Saga Sdn. Bhd telah menjual sebuah kereta jenis 37 Bugatti (1926) dengan harga \$103,000. Kereta itu dibeli 10 tahun yang lepas dengan harga \$15,000. Hanya sebuah sahaja Model Bugatti ini dipamerkan di Syarikatnya.
- (ii) Syarikat Bina Jaya Sdn. Bhd. telah merekod inventori akhir yang lebih nilainya pada 2 tahun lepas. Kesalahan ini berpunca daripada jumlah bahan yang digunakan di dalam operasi. Inventori untuk tahun-tahun yang lepas telah dikira dengan betul.

...2/-

- (iii) Susutnilai untuk tahun sebelumnya telah ter-kurang direkod berjumlah \$880,000. Kesalahan ini diketahui pada masa perakaunan semasa.
- (iv) Syarikat Besi Waja telah menukar kaedah susut-nilai. Garis Lurus kepada kaedah Susutnilai Terpecah ke atas pengiraan aset jangka panjangnya.
- (v) Syarikat Pembinaan Rumah Kos Rendah Sdn. Bhd. telah membelanjakan wang yang banyak di dalam merangka cadangan untuk memohon pinjaman kerajaan. Walau bagaimanapun, pinjaman itu telah tidak berjaya.
- (vi) Syarikat Gali Minyak Sdn. Bhd. telah menambahkan anggaran usiaguna sebahagian daripada peralatannya. Iaitu usiaguna 9 tahun kepada 15 tahun.

(12 markah)

- (b) (i) Bagaimakah perakaunan kesan kumulatif dibentangkan.
- (ii) Apakah yang terkandung di dalam Penyata Pendapatan komprehensif dan beri contohnya.
- (iii) Nyata dan terangkan empat faktor yang membezakan Modal Pajak dengan sewa pajak.

(8 markah)

...3/-

Soalan 2

Pada Januari 1995, Syarikat ABC telah menjual sebidang tanah kepada Syarikat XYZ berjumlah \$820,000 dan selepas itu dengan serta merta Syarikat ABC terus menyewa balik tanah itu.

Maklumat berikut ada kaitan dengan syarat Perjanjian Pajak.

- (a) 1. Syarat perjanjian telah menetapkan bahawa sewa pajak tidak boleh dibatalkan selama 20 tahun dan hak untuk memulang balik tanah itu kepada (tuan tanah) ialah pada masa syarat perjanjian itu tamat.
- 2. Kos asas tanah bernilai \$655,400 (iaitu kos Syarikat ABC).
- 3. Mengikut perjanjian bayaran sewa akan dibayar sama banyak berjumlah \$83,518.79 pada akhir tiap-tiap tahun. Ini tidak termasuk kos-kos sampingan (executory costs).
- 4. Nilai tanah dipasaran berjumlah \$820,000 iaitu pada lhb Januari 1995.
- 5. Kadar pinjaman tambahan yang dikenakan ialah 9% dan Syarikat ABC sedar bahawa Syarikat XYZ telah menyediakan sewa tahunan bagi menentukan kadar pulangan sebanyak 8%.
- 6. Syarikat ABC membayar semua kos-kos sampingan berjumlah \$28,000 pada tahun 1995.
- 7. Kutipan sewa dianggar dapat dikutip mengikut jangka masa yang ditentukan dan tidak ada apa-apa kos lain yang akan diujud oleh tuan tanah.
- 8. Syarikat ABC gunakan kaedah Garis Lurus untuk mengira susutnilai bangunannya yang dianggar mempunyai usia guna selama 25 tahun lagi.

... 4/-

Anda dikehendaki

- (i) Sediakan jurnal tahun 1995 untuk merekod urusniaga di atas. (Syarikat ABC dan Syarikat XYZ).
- (ii) Apakah jenis urusniaga di atas dan sila berikan Peraturan FASB untuk menyokong jawapan anda.

(15 markah)

- (b) Daripada pandangan tuan punyai aset (lesser) pajak dapat dikelaskan sebagai operasi, pembiayaan terus, atau pajak jenis jualan.

Apakah perbezaan yang utama di dalam objektif tuan punya aset untuk mengwujudkan urusniaga pajak bagi setiap yang dikelaskan di atas.

(5 markah)

...5/-

Soalan 3

- (a) Pada 1hb Mac 1986, Syarikat Harta Sdn. Bhd telah membeli sebidang tanah untuk membina loji tambahannya. Syarikat telah membayar \$40,000 (tunai) dan memberi \$60,000 Nota Belum Bayar selama 3 tahun dan Kadar Bunga 12% setahun.

Pembinaan telah bermula dengan serta merta dan pembinaan siap digunakan pada 31hb Oktober 1986. Perbelanjaan untuk pembinaan berjumlah \$400,000 sebulan selama 8 bulan bermula pada 1hb Mac. Bagi menolong pembiayaan kewangan, syarikat telah meminjam \$3,000,000 pada 1hb Mac melalui 2 tahun nota belum bayar dengan kadar 10%. Bunga ke atas nota ini akan dibayar apabila nota itu matang. Lebihan dana yang tidak digunakan untuk pembayaran kos pembinaan telah dilaburkan di dalam sekuriti sementara pada kadar 14%. Syarikat tidak mempunyai hutang-hutang lain pada tahun 1986 kecuali tanggungan 2 nota di atas.

Anda dikehendaki

- (i) Kira hasil bunga.
- (ii) Kira purata wajar perbelanjaan terkumpul.  
(Weighted-average accumulated expenditure).
- (iii) Kira bunga yang dapat dielakkan.  
(Avoidable interest)
- (iv) Kira jumlah kos faedah yang wujud.
- (v) Kira kos faedah yang mesti dimodalkan pada tahun 1986.
- (vi) Sediakan jurnal yang perlu direkodkan ke dalam akaun syarikat Harta Sdn. Bhd pada 31hb Disember 1986, (Hanya Jurnal kepada kos faedah yang wujud dan kos faedah dimodalkan).

Nota:

Untuk mengira bunga yang dapat dielakkan anda dikehendaki mula dengan pembiayaan yang pertama di atas belian tanah.

(15 markah)

...6/-

- (b) Jelaskan kenapa kos-kos yang berkaitan dengan pembinaan aset jangka panjang, serta kos-kos lain yang wujud berikut dengan perolehan aset itu dimodalkan. Tetapi kos-kos lain daripada itu dianggap sebagai belanja. Sila sokong jawapan anda dengan memberi peraturan FASB.

(5 markah)

...7/-

Soalan 4

- (a) Syarikat Penyelidikan Maju Jaya Sdn. Bhd. telah mewujudkan satu rancangan penyelidikan untuk syarikatnya. Di dalam tahun 1986 Perbelanjaan Syarikat sebanyak \$400,000 telah dibelanjakan untuk projek ini. Pada akhir 1986 syarikat tidak dapat pastikan samada projek ini akan memberi faedah pada masa hadapan.

Anda dikehendaki jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Apakah akaun yang patut dikenakan ke atas perbelanjaan sebanyak \$400,000 dan bagaimana ianya akan ditunjukkan di dalam Penyata Kewangan.
- (ii) Projek telah sempurna pada tahun 1987, dan satu paten telah dicipta. Kos penyelidikan dan perkembangan untuk siapkan projek itu berjumlah \$120,000. Belanja Pentadbiran dan Guaman berjumlah \$16,000. Paten mempunyai usia guna selama 5 tahun.

Anda dikehendaki rekod kos-kos ini di dalam jurnal dan rekod perlunasan paten untuk 5 tahun.  
(1987)

- (iii) Tahun 1988, Syarikat telah berjaya untuk memanjangkan penggunaan usia guna patennya sehingga 31/12/95. Kos yang terlibat di dalam usaha ini berjumlah \$48,000
- (a) Bagaimanakah anda merekod kos ini.
- (b) Rekod perlunasan paten tahun 1988.
- (iv) Tahun 1988 tambahan kos kepada paten berjumlah \$60,000. Kos ini ialah kos jurutera dan kos perundingan untuk memperbaiki mutu keluaran produk paten itu. Nilai pemberian mutu tersebut berasaskan kepada jualan dan produk itu sendiri. Bincangkan bagaimana anda akan bertindak ke atas kos ini mengikut kaedah perakaunan yang sesuai.

(15 markah)

... 8/-

- (b) Mengapa syarikat melibatkan di dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perkembangan, dan aktiviti ini tidak mempunyai faedah masa hadapan (tidak boleh dianggap aset)?

(5 markah)

...9/-

Soalan 5

Anda salah seorang daripada Penolong Pengawal kewangan Syarikat ABC Sdn. Bhd. Pada 1hb Januari Syarikat telah membeli mesin yang mempunyai anggaran usia guna 20 tahun. Kos mesin ialah \$350,000. (Mesin ini layak untuk 10% pelaburan kredit). Ketua anda percaya bahawa kaedah pengurangan adalah sesuai untuk merekod urusniaga di atas, dan ia telah merekod seperti di bawah:

Januari 1,	Mesin	315,000
Simpanan untuk pelaburan kredit		35,000
Akaun belum bayar		350,000

Belanja cukai pendapatan sebelum mengambil apa-apa kredit berjumlah \$125,000. Ketua pengawal kewangan telah merekod jurnal di bawah pada 31/12/1987.

31hb Dis.	Belanja cukai pendapatan	90,000
	Pelaburan Kredit tertangguh	35,000
	Cukai pendapatan belum bayar	90,000
	Simpanan untuk Pelaburan Kredit	35,000

Walau bagaimanapun, Ketua Pengawal Kewangan, kurang pasti dengan jurnal yang direkod di atas. Anda dikehendaki memberi pandangan berkenaan dengan jurnal di atas. Perlunasan pelaburan ialah untuk 20 tahun.

Dikehendaki:

- (a) Sekiranya anda didapati kaedah pengurangan kos itu tidak direkod dengan betul anda dikehendaki merekodnya kembali dan membuat pelarasian untuk tahun 1987. (Susutnilai tidak perlu diambilkira.)

(15 markah)

...10/-

- (b) Apakah kesan ke atas dana syarikat jika perolehan harta, loji dan peralatan diperolehi? Berikan contoh.

(5 markah)

...11/-

Soalan 6

Kes:

- (a) Encik Hanafiah seorang akauntan muda yang baru sahaja dilantik ke jawatan akauntan. Di dalam masa 3 bulan semasa menjalankan tugas sebagai akauntan ia telah keliru dengan berbagai perkara kompleks yang terlibat di dalam standard perakaunan. Ia keliru dengan beberapa badan iktisas yang telah mengeluarkan beberapa laporan kewangan standard, dan peringkat autoriti yang telah menyokong kepada laporan-laporan kewangan itu.

Cik Hayati, sahabatnya mencadangkan supaya beliau (Encik Hanafiah) mesti membuat ulangkaji mengenai persekitaran dan standard perakaunan yang telah ditetapkan, jika ia ingin pelajari dan mengetahui bidang profesyen perakaunan dengan lebih mendalam.

Cik Hayati, teringat ketika pengajiannya di dalam bidang perakaunan di U.S.M. terdapat dua bab yang telah membincangkan persekitaran perakaunan dan perkembangan standards perakaunan. Walau bagaimanapun, ia masih ingat pensyarahnya telah menumpukan beberapa bahagian tertentu mengenai bab-bab itu.

Dikehendaki

- (1) Anda diminta menolong Cik Hayati untuk menunjukkan kedudukan badan yang terlibat di dalam menyempurnakan standard perakaunan.
- (2) Bagaimakah cara perakaunan melibatkan di dalam persekitaran yang dimaksudkan oleh Cik Hayati itu? Iaitu apakah faktor persekitaran yang telah mempengaruhi serta mendorong perakaunan dan bagaimana ianya dipengaruhi.
- (3) Jelaskan kepada Cik Hayati gambaran sejarah dan bagaimana standard itu disempurnakan dan apakah perkembangannya.
- (4) Apakah tugas GAAP yang wujud melalui penyempurnaan standards perakaunan?

(10 markah)

...12/-

(b) Bincangkan masalah asas perakaunan yang akan wujud di dalam mengendalikan urusniaga di bawah.

- (i) Pembelian aset berdasarkan asas kredit jangka panjang.
- (ii) Kumpulan aset diperolehi secara kelompok.
- (iii) Aset dipertukarkan atau diniagakan dengan aset yang lain.
- (iv) Aset dibeli dengan mengeluarkan saham modal.
- (v) Perolehan aset diperolehi secara (hadiah).
- (vi) Belian aset berdasarkan diskau tunai.

(6 markah)

(c) Bagaimana anda menentukan supaya item di bawah ini dapat dikatakan aset tetap yang sempurna? Beri alasan untuk cadangan anda.

- (i) Kos pengangkutan untuk membawa mesin ke lokasi baru.
- (ii) Kos pembinaan kepada model mesin yang baru.
- (iii) Alat gantian terpaksa dipulangkan sebelum pemberian di sempurnakan ke atas mesin, kerana alat ganti itu tidak memenuhi kapasiti yang dikehendaki.

(4 markah)

...13/-

Soalan 7

- (a) Berikut adalah data Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd.

31 Disember

	<u>1987</u>	<u>1986</u>
Hasil jualan	\$1,250,000	\$1,000,000
Kos barang dijual	875,000	700,000
Belanja jualan	95,000	80,000
Belanja am dan pentadbiran	52,000	40,000
Belanja am susutnilai	60,000	60,000
P. Tertahan (Jan 1)	?	3,000,000
Dividen diistiharkan	400,000	300,000

Pada akhir tahun 1987 Syarikat mendapat tahu peralatan yang dibeli pada lhb Januari 1986, berjumlah \$100,000 ✓ (kos) (Tiada nilai sisaan) telah di susutnilaikan kepada 20 tahun, dan tidak kepada 10 tahun. Kaedah garis lurus digunakan ketika merekod di dalam buku perakaunan dan belanja cukai pendapatan. Kadar cukai pendapatan ialah 40%. Akan tetapi belanja cukai tidak direkodkan pada tahun 1987, dan untuk 1986 belanja cukai direkodkan tetapi tidak ditunjukkan di dalam data di atas.

Anda dikehendaki

- (i) Anggapkan buku perakaunan untuk 1987 belum lagi ditutupkan. Anda dikehendaki menyediakan jurnal yang perlu untuk Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd.
- (ii) Sediakan penyata pendapatan komprehensif dan penyata perolehan tertahan untuk tahun 1986 dan 1987. (Gabungkan tahun 1986/87 di dalam satu penyata).

(15 markah)

...14/-

- (b) Apakah tiga jenis perubahan perakaunan dan tiga cara untuk membentangkannya.

(5 markah)

- 0000000 -